

UPE(S)12-11/14/5

TINDAKAN SERTA MERTA



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020:
PROSPEK EKONOMI, TERAS STRATEGIK DAN
PENYEDIAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

Tujuan

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk:

- i. memaklumkan prospek ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11);
- ii. menggariskan teras strategik RMKe-11 ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020; dan
- iii. memberi panduan kepada kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun mengenai kaedah permohonan projek dalam tempoh 2016-2017 di bawah RMKe-11.

Prospek Ekonomi RMKe-11

2. Ekonomi negara dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 (RMKe-10). Dalam tempoh 2011-2013, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar telah mencatat pertumbuhan purata 5.2 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini mencerminkan sebuah ekonomi yang berdaya tahan memandangkan ekonomi dunia yang baru

pulih daripada kesan krisis kewangan pada tahun 2009. Berdasarkan kepada anggaran pertumbuhan pada tahun 2014 dan 2015 semasa pembentangan Bajet 2015 pada Oktober 2014, anggaran pertumbuhan KDNK dalam keseluruhan tempoh RMKe-10 adalah sebanyak 5.3 peratus setahun. Pada akhir tempoh RMKe-10, pendapatan per kapita negara pada harga semasa dijangka meningkat kepada hampir RM37,500 (atau AS\$11,600), iaitu pertambahan sebanyak 6.8 peratus setahun. Selaras dengan kemajuan ekonomi ini, kesejahteraan rakyat daripada pelbagai aspek juga akan meningkat.

3. RMKe-11 merupakan fasa terakhir dalam perancangan lima tahun ke arah mencapai Wawasan 2020 menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, RMKe-11 amat kritikal bagi memastikan objektif tersebut akan tercapai sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat ini, dalam tempoh RMKe-11, KDNK sebenar perlu berkembang antara 5-6 peratus setahun selari dengan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan kadar pertumbuhan tersebut, Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita dijangka dapat melepasi tahap AS\$15,000 menjelang tahun 2020, iaitu anggaran semasa paras minimum pendapatan per kapita bagi sebuah negara berpendapatan tinggi berdasarkan definisi Bank Dunia. Potensi pertumbuhan tersebut akan dapat direalisasikan menerusi peningkatan ketara tahap produktiviti dan inovasi.

4. Sumber perkembangan ekonomi daripada sektor dalam negeri dan luar negeri yang lebih berimbang dijangka dapat memperkukuhkan lagi daya tahan ekonomi. Sektor dalam negeri akan dipacu oleh pelaburan swasta yang lebih berkualiti dan disokong oleh sektor perkhidmatan moden yang berorientasikan pengetahuan dan sektor pembuatan yang menghasilkan produk yang lebih kompleks, pelbagai dan lebih kompetitif di pasaran antarabangsa. Paras harga juga dijangka kekal stabil dan rendah dengan kadar pengangguran di tahap guna tenaga penuh. Kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan 40 peratus terendah, akan ditingkatkan lagi supaya hasil pembangunan dapat dinikmati bersama.

5. Bagi memastikan sasaran pertumbuhan ekonomi tercapai, antara cabaran utama yang perlu diatasi adalah:

- i. hampir separuh isi rumah masih berada di tahap pendapatan rendah; dan
- ii. tahap inovasi dan produktiviti masih rendah yang menghakis daya saing eksport negara di pasaran antarabangsa;


- iii. pelbagai isu pasaran buruh seperti kekurangan pewujudan pekerjaan bergaji tinggi, kekurangan pekerja mahir yang diperlukan oleh industri dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah turut membantut potensi pertumbuhan ekonomi negara serta melembapkan peningkatan kadar upah pekerja;
 - iv. kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang masih dalam keadaan defisit telah mengurangkan ruang pengendalian dasar bagi menghadapi sebarang kejutan ekonomi dan keadaan kitaran ekonomi dunia yang semakin tidak menentu;
 - v. keperluan untuk memastikan pembangunan negara yang mampan supaya kualiti alam sekitar dan sumber asli kekal terpelihara.
6. Oleh yang demikian, teras strategik RMKe-11 telah dirangka dengan mengambil kira keperluan mengukuhkan struktur ekonomi, meningkatkan pendapatan isi rumah, menggalakkan penggunaan sumber pertumbuhan yang mampan serta memastikan kesejahteraan dan perpaduan rakyat sentiasa terpelihara bagi membolehkan negara mencapai objektif pembangunannya menjelang tahun 2020.

Teras Strategik RMKe-11

7. RMKe-11 akan melaksanakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau *Malaysian National Development Strategy* (MyNDS). MyNDS adalah berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi. MyNDS akan memberi keutamaan kepada **inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua teras tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah (*high impact, fast execution and low cost*).**

8. Untuk melaksanakan pendekatan ini, satu kerangka perancangan bersepadu yang menghubungkan teras strategik dengan bidang keberhasilan utama (*key result area* - KRA) dan *outcome* nasional telah dibangunkan, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 1**. Kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun dikehendaki merancang projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* nasional.

Rajah 1: Kerangka Perancangan Bersepadu



9. Bagi mencapai matlamat MyNDS, kerangka perancangan bersepadu RMKe-11 akan berasaskan kepada enam teras strategik utama iaitu:

Teras Pertama : Memperkukuh Pembangunan Inklusif;

Teras Kedua : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat;

Teras Ketiga : Membangun Modal Insan;

Teras Keempat : Menuju Ke Arah Pertumbuhan Hijau;

Teras Kelima : Memperkasa Asas Pertumbuhan; dan

Teras Keenam : Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi.

10. Teras strategik RMKe-11 pertama hingga keempat akan menunjangi pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan teras berikutnya akan menyokong pembangunan ekonomi berasaskan modal.

11. Teras pertama, iaitu **Memperkukuh Pembangunan Inklusif** bertujuan untuk memperkasa kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Tumpuan pembangunan inklusif akan diperluaskan daripada golongan miskin kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah. Peningkatan penyertaan Bumiputera dan golongan minoriti dalam aktiviti ekonomi juga akan diberi tumpuan di samping mempercepat transformasi bandar dan luar bandar serta memperkukuh pembangunan masyarakat.

12. Teras kedua, iaitu **Meningkat Kesejahteraan Rakyat** akan menambahbaik dan memperluas perkhidmatan penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan yang berkualiti dan mampu milik, menambahbaik perkhidmatan kerajaan tempatan, mewujudkan persekitaran yang selamat, memperkukuh perpaduan negara serta memperluas aktiviti sukan.

13. Teras ketiga, iaitu **Membangun Modal Insan** akan memastikan transformasi dalam pembangunan modal insan negara ke arah melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang profesional dan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam ekonomi berpendapatan tinggi, meningkatkan kualiti dan produktiviti pekerja bagi menyokong pertumbuhan industri serta meneruskan transformasi sistem pendidikan negara berteraskan *outcome*.

14. Teras keempat, iaitu **Menuju ke Arah Pertumbuhan Hijau** akan memastikan kesejahteraan generasi akan datang menerusi dua aspek utama, iaitu pembangunan kental persekitaran dan pertumbuhan yang berterusan melalui penggunaan sumber secara mampan. Aspek pertama memberi tumpuan kepada kepenggunaan dan pengeluaran secara mampan dan pengurusan risiko bencana. Aspek kedua pula akan memastikan pertumbuhan yang berterusan melalui penggunaan sumber secara mampan yang akan menyentuh mengenai pelaburan dalam aset semulajadi dan kecekapan sumber serta mengukuhkan jaminan sumber.

15. Teras kelima, iaitu **Memperkasa Asas Pertumbuhan** akan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan dan kemudahan infrastruktur termasuk komunikasi, mewujudkan sistem logistik bersepadu, memastikan penyediaan perkhidmatan berdasarkan kemampuan pengguna dan penyedia perkhidmatan, dan meningkatkan akses kepada sanitasi dan bekalan air serta elektrik.

16. Teras keenam, iaitu **Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi** akan menggalakkan peralihan kepada pertumbuhan berkualiti dengan meningkatkan produktiviti, inovasi dan daya saing. Tumpuan akan diberi kepada

mempelbagaikan asas ekonomi dengan menggalakkan aktiviti yang berintensif pengetahuan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Penekanan akan diberi kepada menambahkan pelaburan swasta dalam sektor tersebut serta meningkatkan eksport.

Perancangan dan Pelaksanaan RMKe-11

17. Pendekatan berasaskan *outcome* yang mula dilaksana dalam RMKe-10 akan terus diguna pakai dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11. Selaras dengan pendekatan MyNDS dan bagi mengukuhkan pencapaian *outcome*, kementerian, kerajaan negeri dan badan berkanun hendaklah merancang projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat.

Agihan Siling Secara RP

18. Perancangan dan pelaksanaan projek menerusi pendekatan RP yang diperkenal dalam RMKe-10 akan diteruskan dalam RMKe-11 bagi memastikan projek baharu dilaksana dengan pantas. Jumlah siling dan peruntukan yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. **Anggaran siling bayangan (*shadow ceiling*)** yang diperkenalkan di bawah RMKe-11 perlu dijadikan panduan oleh kementerian/agensi semasa menyediakan cadangan projek supaya kementerian/agensi tidak mengemukakan permohonan yang berlebihan.

Pelaksanaan Projek RMKe-11

19. Prestasi pelaksanaan menjadi pengukur utama dalam penentuan kejayaan sesebuah projek pembangunan. Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan, Pegawai Pengawal dibenarkan meminda skop dengan syarat perubahan skop tidak melibatkan pertambahan kos, tidak mengubah jadual asal pelaksanaan projek dan tidak menjejaskan pencapaian *outcome*. Pindaan skop projek pembangunan oleh Pegawai Pengawal hendaklah dimaklumkan kepada UPE, JPM dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

20. Perubahan lokasi, keadaan geologi dan topografi tapak memberi kesan kepada kos projek. Oleh itu, **kementerian/agensi tidak dibenar untuk mengubah lokasi bagi projek yang telah diluluskan**. Sekiranya tapak yang dipilih tidak sesuai walaupun telah mematuhi garis panduan pemilihan tapak,

yang menyebabkan kos kerja tanah meningkat atau lokasi projek terpaksa dipinda, kementerian/agensi perlu mengemukakan permohonan semula sama seperti permohonan projek baharu. Projek asal yang telah diluluskan akan terbatal.

Penetapan Keutamaan Projek

21. Semasa mengemukakan permohonan projek, kementerian/agensi hendaklah memberi keutamaan dan menyegerakan pelaksanaan:

- i. Projek Sambungan RMKe-10;
- ii. Projek yang mendapat kelulusan khas Kerajaan; dan
- iii. Projek yang telah diluluskan secara berfasa.

22. Bagi permohonan projek pembangunan baharu, keutamaan akan diberi kepada projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat (*people economy*) dan pertumbuhan ekonomi (*capital economy*). Bagi mengukuhkan perancangan dan penyediaan projek pembangunan, setiap cadangan projek baharu akan dinilai menggunakan **Creativity Index (CI)** yang merupakan elemen Strategi Lautan Biru. CI adalah nisbah faedah yang diterima oleh rakyat berbanding jumlah kos. Kementerian/agensi hendaklah menyusun keutamaan projek berasaskan CI. Jumlah permohonan siling keseluruhan kementerian/agensi bagi setiap tahun adalah berasaskan anggaran siling bayangan yang ditetapkan.

Penyediaan Projek RP1 (2016-2017)

Pematuhan Akta/Garis Panduan/Pekeliling

23. Bagi membantu kementerian/agensi membuat perancangan projek pembangunan yang akan dilaksana dalam RMKe-11, akta/pekeliling/garis panduan yang masih berkuatkuasa perlu dipatuhi. Akta/pekeliling/garis panduan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

- i. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 (Pindaan 1985), Seksyen 34A;

- ii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2009; Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan;
- iii. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.2 Tahun 2009; Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan;
- iv. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.3 Tahun 2009: Garis Panduan Pengurusan Nilai;
- v. Pekeliling Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2009: Garis Panduan Kerjasama Awam Swasta;
- vi. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil.3 Tahun 2008: Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Peranan Kementerian/Jabatan Pengguna dalam Perolehan Tanah untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Tanah-tanah Persekutuan Selepas Perolehan;
- vii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2008: Pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) Dalam Projek Kerajaan;
- viii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 2011: Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding Bagi Projek Atau Kajian Kerajaan; dan
- ix. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) Tahun 2008.

Pematuhan Dasar dan Peraturan Umum

24. Dalam merangka projek baharu RMKe-11, kementerian dan kerajaan negeri perlu membuat perancangan secara komprehensif dan mengambil kira pandangan *stakeholders*. Sehubungan ini, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Kementerian hendaklah berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing untuk menyediakan projek pembangunan.

- ii. Kerajaan negeri hendaklah mengemukakan kepada kementerian cadangan projek yang menjadi keutamaan negeri melalui unit perancang ekonomi negeri (UPEN) atau jabatan pembangunan persekutuan negeri masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kementerian sebelum dikemukakan ke UPE, JPM. Bagi tujuan ini, kementerian hendaklah:
 - a) mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPNg) untuk memastikan kementerian mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri. Perbincangan ini boleh diselaras oleh sekretariat JPN/MTPNg bagi memudahkan kementerian/agensi memperoleh komitmen pihak berkuasa tanah di negeri, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti; dan
 - b) semua projek fizikal wajib diteliti oleh unit teknikal di kementerian atau jabatan teknikal bagi kementerian yang tidak mempunyai unit teknikal sebelum dikemukakan kepada UPE, JPM.
- iii. Bagi projek fizikal, perancangan kementerian hendaklah selaras dengan:
 - a) Rancangan Fizikal Negara yang merumuskan dasar strategi pemajuan fizikal negara serta menterjemah objektif pembangunan negara dalam bentuk spatial agar penggunaan tanah dan sumber asli dioptimumkan untuk mencapai pembangunan mampan. Rancangan Fizikal Negara boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
 - b) Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan yang merumuskan cadangan berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah serta menggariskan hala tuju pembangunan sesebuah negeri, daerah dan kerajaan tempatan yang boleh diperolehi daripada pihak berkuasa perancang negeri dan daerah.

25. Beberapa badan berkanun telah dikenal pasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab masing-masing. Dalam mempertimbangkan permohonan projek badan berkanun, kedudukan semasa wang rezab tersebut akan diambil kira. Badan berkanun yang mempunyai sumber kumpulan wang rezab yang besar hendaklah membiayai sebanyak mungkin projek pembangunan masing-masing.

26. Perolehan tanah menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan perlu dipindah milik serta didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.11 Tahun 2007. Selain itu, Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil.3 Tahun 2008 menyatakan bahawa PTP mempunyai kuasa untuk memiliki dan melupuskan tanah kepada dan daripada kerajaan persekutuan. Pemilikan tanah adalah penting untuk memastikan projek sedia dilaksanakan. **Permohonan bagi projek binaan tidak akan dipertimbangkan sehingga urusan perolehan dan pemilikan tanah selesai.**

27. Peraturan yang menetapkan *Value Management* (VM) perlu dilaksanakan ke atas projek fizikal (binaan dan peralatan) dengan kos melebihi RM50.0 juta dikekalkan. Selain itu, bagi projek fizikal dengan kos projek melebihi RM5.0 juta adalah diwajibkan untuk mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Standard dan Kos yang diurusetia oleh Seksyen Pengurusan Nilai, UPE, JPM.

28. Selain daripada garis panduan di atas, kementerian perlu juga mengambil kira aspek kemampanan yang memberi penekanan kepada alam sekitar di dalam perancangan dan penyediaan projek pembangunan. Oleh itu, penggunaan instrumen perancangan alam sekitar seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA) akan diteruskan dalam RMKe-11 untuk memastikan pembangunan mampan.

29. **Bagi menjelaskan maksud Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus serta mengelak pertindihan atau keciciran permohonan, kementerian/agensi perlu mematuhi klasifikasi pembiayaan peruntukan berdasarkan Senarai Klasifikasi Pembiayaan Projek di bawah Belanja Pembangunan dan Belanja Mengurus seperti di Lampiran A.**

30. Pemantauan kemajuan pelaksanaan projek kerajaan negeri yang dibiayai oleh kerajaan pusat adalah di bawah tanggungjawab kementerian/agensi. Oleh itu, kementerian/agensi perlu bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memantau bagi memastikan projek berjalan dengan lancar. Pemantauan ini boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai pendekatan termasuk JPN/MTPNg.

31. Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan agihan peruntukan untuk projek penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C), ICT dan Kwarters, semua cadangan projek baharu akan dinilai dan diperaku kepada UPE, JPM oleh kementerian/agensi/jawatankuasa berikut:

- i. Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi – projek R&D&C;
 - ii. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) – projek ICT; dan
 - iii. Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) – projek kuarters.
32. Sebagai usaha untuk memantapkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dalam RMKe-11, kementerian/agensi hendaklah mengambil tindakan berikut:
- i. **Memastikan maklumat projek dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) adalah tepat dan lengkap. Brif Projek akan dijana daripada SPP II untuk digunakan oleh jabatan teknikal/agensi pelaksana bagi memulakan urusan pra pelaksanaan projek dalam tahun projek diluluskan;**
 - ii. **Mengesahkan tapak/tanah tiada bebanan/tuntutan dan sedia dimasuki oleh kontraktor menerusi maklum balas pihak berkuasa tanah di negeri atau Borang K (projek jalan raya) dalam SPP II; dan**
 - iii. **Mesti menggunakan *Pre-Approved Plan* bangunan yang telah disediakan oleh Jabatan Kerja Raya. Sebarang perubahan mesti dibincangkan dengan Jabatan Teknikal.**

33. Kementerian/agensi perlu memulakan kerja-kerja peringkat pra pelaksanaan (penyediaan dokumentasi perolehan) sebaik sahaja mendapat senarai projek daripada UPE, JPM. Sehubungan ini, pelaksanaan projek boleh dipercepat dengan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor pada awal tahun pelaksanaan.

Kaedah Mengemukakan Permohonan Projek

34. Semua permohonan projek hendaklah dikemukakan secara *online* melalui Modul e-permohonan yang telah ditambah baik termasuk menu CI di dalam SPP II.

35. Bagi menyokong setiap cadangan projek pembangunan baharu, kementerian **wajib** menyediakan perkara berikut **sebagai lampiran** di dalam SPP II:

- i. Borang Jadual Keperluan Ruang bagi projek fizikal binaan atau ubah suai (rujuk **Lampiran B**);
- ii. Pengesahan brif projek oleh pengguna ruang dan agensi pelanggan (rujuk **Lampiran C**);
- iii. Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan (rujuk Lampiran 2 dan 3 dalam Pekeliling UPE, JPM Bil.2 Tahun 2009);
- iv. Borang Permohonan Peralatan bagi projek perolehan peralatan (rujuk Lampiran 4 dalam Pekeliling UPE, JPM Bil.2 Tahun 2009);
- v. Borang K atau tanah atas nama PTP/badan berkanun Persekutuan; dan
- vi. *Logical Framework Matrix* (rujuk Lampiran 2 dalam Garis Panduan Kedua RMKe-10).

Tarikh mengemukakan cadangan projek

36. Tarikh untuk kementerian/agensi mengemukakan cadangan projek kepada UPE, JPM (selepas diselaraskan di peringkat negeri) melalui SPP II bermula 1 Januari sehingga 31 Mac 2015.

Pegawai Perhubungan

37. Setiap kementerian, unit perancang ekonomi negeri (UPEN) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hendaklah melantik seorang pegawai kanan yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE, JPM bagi menyelaraskan kerja penyediaan RMKe-11. Nama pegawai tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Urus Setia RMKe-11 dalam tempoh dua minggu dari tarikh Garis Panduan ini.

38. UPE, JPM akan menyelaras permohonan projek melalui pegawai perhubungan yang telah dilantik oleh kementerian/agensi dan UPEN atau Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Pertanyaan Berhubung Garis Panduan

39. Sebarang pertanyaan, surat-menyurat dan e-mel mengenai Garis Panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia
Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

u.p. : En. Adam bin Sulong
Pengarah Seksyen Bajet Pembangunan
Tel : 03 8872 5446/ 5451/ 5453/ 5971/ 5449
Faks : 03 8888 3768
E-mel : rmk11_gp@epu.gov.my

40. Semua kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun Persekutuan/IPTA dan kerajaan negeri adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penyediaan RMKe-11, iaitu pelan indikatif hala tuju pembangunan negara dalam tempoh 2016-2020 untuk mencapai agenda menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DR. ALI HAMSA)
Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengerusi
Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

19 Disember 2014
26 Safar 1436H

**SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DI BAWAH
BELANJA PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGURUS (OE)**

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
1.	<p>BINA BAHARU, NAIK TARAF DAN UBAH SUAI</p> <p><u>Definisi:</u></p> <p>a. <u>Bina baharu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-karya pembinaan bangunan/ infrastruktur baharu. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur. <p>b. <u>Naik taraf</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-karya menaik taraf fizikal bangunan/ infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan). • Melibatkan kerja-karya merubah struktur/ saiz sedia ada. • Perolehan kelengkapan/perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang dinaik taraf. <p>c. <u>Ubah suai:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-karya ubah suai bangunan/ infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz seperti ubah suai dalaman bangunan. • Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang di ubah suai dan bukan penggantian peralatan sedia ada. 			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	i. Bina baharu, naik taraf dan ubah suai bangunan/ infrastruktur termasuk perolehan pakej kelengkapan/ perabot dan peralatan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor • Menaiktaraf Jalan Kg. Sinar Jaya, Kinabatangan, Sabah • 00600 - Ubahsuai, Naik taraf dan Pembaikan (KKM)
2.	<p>PENYELENGGARAAN</p> <p><u>Definisi:</u></p> <p>a. Kerja-kerja penyelenggaraan aset/harta modal bagi mengesan, mencegah atau membaiki kerosakan/ kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/ sempurna. Contoh: penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan perabot/ peralatan, kenderaan dan jentera, infrastruktur (jalan, jalan raya, jambatan, longkang, <i>culvert</i>) dan sebagainya; dan</p> <p>b. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/ infrastruktur.</p>			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	i. Kerja-kerja <u>penyelenggaraan dan pembaikan</u> kompleks/ bangunan / infrastruktur dan melibatkan kos melebihi RM100 juta		√	
	ii. <u>Penyelenggaraan dan pembaikan kecil/ berulang</u> seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, <i>wiring</i> , siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan infrastruktur dan kompleks/ bangunan, kemudahan mekanikal dan elektrik termasuk penggantian kelengkapan/ perabot dan peralatan.	√		<ul style="list-style-type: none"> • 070500 - Pembaikan Bangunan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia • Pendawaian Semula (Elektrik) Pusat Sumber

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. <u>Penyelenggaraan rutin seperti <i>resurface</i> & <i>partial construction</i>, tampal lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya</u>	√		<ul style="list-style-type: none"> • Program MARRIS JKR • 121100 - Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan IADA dan Pertanian
	iv. <u>Penyelenggaraan secara perkhidmatan berkala/ kontrak ke atas kenderaan dan jentera (termasuk kenderaan dan jentera berat), kapal, bot, peralatan, kumbahan, penghawa dingin, lif, pam, eskalator, kolam air pancur, kerja-kerja pembersihan, makhluk perosak, keselamatan, haiwan, benih dan sebagainya</u>	√		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
3.	PEROLEHAN ASET TETAP			
	i. Perolehan tanah/ tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/ tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran		√	<ul style="list-style-type: none"> 03900 - Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri (KPM)
	ii. Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan		√	
	iii. Perolehan bangunan sebagai program/ projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> Projek Makanan Halal di Taman Pengeluaran Produk Usahawan (TPPU) Pedas Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Kompleks Penyayang Sarawak

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
4.	PEROLEHAN HARTA MODAL			
	i. Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej/ bersekali dengan bangunan/ infrastruktur)		√	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor
	ii. Perolehan peralatan dan mesin baharu/ menaik taraf peralatan sebagai program/ projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> 01100 - Peralatan dan Kenderaan (KKM) Perolehan Peralatan Saintifik (MOSTI) Menaiktaraf Konsol Kawalan Reaktor (MOSTI)
	iii. Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi seperti kereta peronda polis, kereta bomba, JPJ dan ambulan		√	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan Kereta Peronda Polis (MPV) Jenis 4WD 01100 - Peralatan dan Kenderaan (KKM)
	iv. Perolehan kapal, bot, helikopter, kapal terbang, kapal selam		√	<ul style="list-style-type: none"> 00600 - Kelengkapan (MINDEF/TUDM)

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	v. Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan		√	<ul style="list-style-type: none"> 10750 - Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu (MOA)
	vi. Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran)	√		<ul style="list-style-type: none"> One-off kenderaan/ jentera - Pembelian kenderaan pejabat
	vii. Perolehan penggantian/ tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan/ infrastruktur)	√		<ul style="list-style-type: none"> One-off harta modal – Pembelian 10 unit komputer
	viii. Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat	√		<ul style="list-style-type: none"> Senggaraan Landskap Pejabat

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
5.	PEMBANGUNAN MODAL INSAN/LATIHAN			
	i. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar		√	<ul style="list-style-type: none"> • 08400 – Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) • Skim Kemahiran & Kerjaya 1Malaysia
	ii. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan untuk kakitangan kementerian/ agensi	√		<ul style="list-style-type: none"> • Seminar, persidangan, kursus dan sebagainya
6.	PERBELANJAAN- PERBELANJAAN LAIN			
	i. Bayaran konsesi projek-projek PFI/PPP	√		<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran CAPEX PFI/PPP (Mesyuarat Jawatankuasa Fiskal pada 22 Jun 2013 memutuskan dibiayai di bawah DE mulai 2015)
	ii. Pembangunan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian secara program/ pakej		√	

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. Penyelenggaraan sistem dan fi/ yuran langganan/ lesen perisian bukan secara program/ pakej	√		
	iv. Perolehan perkhidmatan ICT	√		
	v. Promosi dan pengiklanan program yang menyumbang kepada KDNK (pelancongan & pelaburan)		√	<ul style="list-style-type: none"> • Program promosi pelancongan (MOTAC) • Program penggalakan pelaburan (MITI)
	vi. Dana & tabung seperti Dana Pelaburan Strategi, <i>Techno Fund</i> dan <i>Science Fund</i>		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dana untuk pemangkin Inovasi & Penyelidikan & Pembangunan
	vii. Ekuiti		√	<ul style="list-style-type: none"> • Dana Ekuiti Nasional Berhad
	viii. Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Kejuruteraan Rapid Transit System
	ix. Sewaan dan pajakan	√		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	x. Bayaran bil utiliti	√		<ul style="list-style-type: none"> 100800 - Kos Operasi & Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung KKLW
	xi. Bayaran pampasan/ ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan	√		
	xii. Bayaran emolumen, elaun dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak/ sementara	√		
	xiii. Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara	√		
	xiv. Penganjuran majlis perasmian/ pecah tanah projek pembangunan	√		
	xv. Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya	√		

Disediakan oleh:
 Seksyen Bajet Pembangunan
 Unit Perancang Ekonomi
 Jabatan Perdana Menteri

LAMPIRAN B

CONTOH FORMAT JADUAL KEPERLUAN RUANG

BIL	NAMA RUANG	KAPASITI	BILANGAN RUANG	JAWATAN	KELUASAN/ PENGGUNA	SAIZ RUANG

**CONTOH FORMAT PENGESAHAN BRIF PROJEK OLEH
PENGGUNA RUANG DAN AGENSI PELANGGAN**

PENGESAHAN BRIF PROJEK

SAYA BERSETUJU DAN MENGESAHKAN SEMUA MAKLUMAT
DALAM BRIF PROJEK INI MENEPATI KEPERLUAN PROJEK
DAN KEPERLUAN KEMENTERIAN/JABATAN/BAHAGIAN KAMI.

TANDATANGAN PENGGUNA

NAMA:

JAWATAN:

COP RASMI:

TANDATANGAN AGENSI PELANGGAN

NAMA:

JAWATAN: